

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 1999/2000

Februari 2000

SAU309 – Hubungan Etnik Dan Rasisme

Masa: [3 jam]

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab kesemuanya TIGA (3) soalan sahaja. Soalan No. 1 daripada Bahagian A wajib dijawab. Jawab mana-mana DUA (2) soalan daripada Bahagian B. Tiap-tiap soalan diberikan nilai yang sama iaitu 100 markah.

**BAHAGIAN A**

Soalan 1 WAJIB dijawab.

Soalan 1 (100 markah)

Hurai dengan memberikan contoh kepada konsep-konsep dan teori-teori berikut:

1. Etnik (10 markah)
2. Rasisme (10 markah)
3. Kejahilan bersama (10 markah)
4. Diskriminasi etnik (10 markah)
5. Teori ekologi tentang perhubungan ras oleh Robert E. Park (20 markah)
6. Teori masyarakat majmuk oleh J.S. Furnivall (20 markah)
7. Teori kelas dan kasta tentang perhubungan ras oleh O. Cox (20 markah)

...2/-

**BAHAGIAN B**

Jawab DUA (2) soalan sahaja.

Soalan 2 (100 markah)

‘Tiada satu kumpulan boleh mengekalkan kewujudannya’

- a) Furnivall, Blumer, Miles, Milne, Geertz dan lain-lain mengutarakan pengaruh kumpulan etnik mencorak tingkahlaku individu manakala Barth, Banton, Sowell, Olzak, Shamsul dan lain-lain mengatakan pengaruh individu mencorak tingkahlaku individu. Apakah kesan pemikiran mereka ini ke atas kefahaman anda tentang konsep etnik dan keharmonian etnik di Malaysia?  
(30 markah)
- b) Berdasarkan kenyataan di atas, jelaskan dengan memberikan contoh bagaimana satu kumpulan etnik boleh berubah.  
(30 markah)
- c) Pilih satu teori yang boleh menjelaskan hujah anda di atas dengan menyatakan andaian-andaainya.  
(40 markah)

Soalan 3 (100 markah)

‘Dasar Pembangunan Negara’

- a) Jelaskan pendekatan pembangunan negara yang telah dilaksanakan semenjak negara kita mencapai kemerdekaan.  
(30 markah)
- b) Sejauhmanakah dasar dan program pembangunan negara dipengaruhi oleh etnisiti?  
(30 markah)
- c) Jika batas etnik nipis di kalangan pelbagai etnik di Malaysia, apakah falsafah, dasar dan program pembangunan tentang pendidikan di institusi pengajian tinggi awam yang anda cadangkan bagi memastikan keharmonian etnik terjamin?  
(40 markah)

...3/-

Soalan 4 (100 markah)

'Batas etnik nipis'

- a) Dengan memilih HANYA satu peristiwa sosial di bawah, sejauhmanakah kenyataan di atas benar?
- (i) Kesan Krisis Ekonomi 1997-1999
  - (ii) Pergerakan Reformasi 1997
  - (iii) Keputusan Pilihan Raya 1999
- (30 markah)
- b) Bagaimanakah cara untuk memastikan batas kumpulan dapat dinipiskan?
- (30 markah)
- c) Kenapa kita sering gagal membaca perubahan batas etnik di kalangan masyarakat berbilang etnik di Malaysia?
- (40 markah)

Soalan 5 (100 markah)

'Takrif etnik berubah-ubah'

- a) Jelas kenyataan di atas berdasar pengalaman negara Barat.
- (30 markah)
- b) Jelaskan kenyataan di atas berdasarkan pengalaman satu kumpulan etnik di Malaysia sendiri.
- (30 markah)
- c) Di dalam kedua-dua jawapan di atas, apakah sebab etnisiti digembelingkan?
- (40 markah)

